



SURAT SETUJU TERIMA

MPC.100-14/1/2

16 Februari 2021

MSS BIOFRESH SDN. BHD.

1st Floor, No. 27

Jalan Padi Ria, Bandar Baru Uda,

81200 Johor Bahru, Johor

(U/P : Mohd Shahrin bin Sadhri)

Tel: 07-207 4444

Encik Mohd Shahrin,

MPC (SRO) 1/2021: PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN DAN PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SELATAN, JOHOR BAHRU, JOHOR

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada tawaran daripada pihak tuan untuk perkhidmatan di atas dan sukacita memaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebut harga tersebut dengan harga keseluruhan (termasuk SST) sebanyak **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Dua Puluh Lima Ribu Enam Ratus Tiga Puluh Dua sahaja (RM 325,632.00).**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen sebut harga oleh pihak tuan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah:

BIL.	PEROLEHAN	TEMPOH	KADAR SEBULAN (RM)	HARGA (RM)
1.	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN DAN PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SELATAN, JOHOR BAHRU, JOHOR (1 MAC 2021 HINGGA 28 FEBRUARI 2023)	24 BULAN	12,800.00	307, 200.00
		6% SST	768.00	18,432.00
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)		12,932.00	325,632.00

3. Satu kontrak rasmi akan disempurnakan oleh pihak tuan dengan memasukkan terma-terma sebut harga. Pihak tuan haruslah memberikan dua salinan asal yang dimatikan setem kepada pihak MPC. Tempoh perkhidmatan adalah **selama 24 bulan bermula pada 1 Mac 2021 sehingga 28 Februari 2023** (Tempoh percubaan adalah selama 3 Bulan).

4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada pembekalan perkhidmatan boleh dibuat **melainkan** jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada MPC suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah **Ringgit Malaysia Empat Ribu Tujuh Puluh dan Empat Puluh Sen Sahaja (RM4,070.40)**.

5. Apa-apa kegagalan dalam memenuhi kehendak di perenggan 3 dalam tempoh 120 hari (4 bulan) dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat Tuan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan pihak MPC tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

6. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan tolakan/*Liquidated Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**.

7. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 6 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;

- (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat tuan digulungkan;
- (k) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau

keselamatan dan kepentingan negara.

8. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 7, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

9. Sekiranya pihak tuan dalam apa-apa cara gagal membekalkan perkhidmatan kepada pihak MPC, maka penerimaan ini akan terbatal dan selepas itu MPC tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada pihak tuan.


10. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak tuan. Sila kembalikan dua (2) salinan yang telah ditandatangani oleh pihak tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut
di atas salinannya yang mana telah disimpan.

Tandatangan Pembekal

Nama Penuh : _____
Alamat : _____

Tarikh : _____

Tandatangan Saksi

Nama Penuh : _____
Alamat : _____

Tarikh : _____

Diberikan dengan sempurna untuk
menandatangani untuk dan bagi pihak :

.....
Meterai atau Cop Kontraktor

Tarikh:

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

MPC (SRO) 1/2021: PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN DAN PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SELATAN, JOHOR BAHRU, JOHOR

Saya..... nombor K.P.....yang mewakili.....nombor pendaftaran

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. K.P.:

Cop Syarikat :

1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

1.1 No. Pendaftaran :

1.2 Tempoh Sah Laku :

2. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)**

2.1 No. Pendaftaran :

2.2 Tempoh Sah Laku :

2.3 Kod Bidang :

2.4 Taraf Syarikat :

2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera :

3. **Harga dan Tempoh Kontrak**

3.1 Harga Kontrak : RM 325,632.00 (termasuk SST)

3.2 Tempoh Kontrak : 24 Bulan

3.3 Tarikh Mula Kontrak : 1 Mac 2021

3.4 Tarikh Tamat Kontrak : 28 Februari 2023

4. **Tempoh dan Jadual Penvempurnaan Perkhidmatan**

Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di *Lampiran A2

**Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC*

5. **Bon Pelaksanaan**
(*diisi oleh pihak MPC)

5.1 Kadar Bon Pelaksanaan : 2.5 % dari harga perkhidmatan
.....

5.2 Formula Bon Pelaksanaan : 2.5% (berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM162, 816.00)
.....

5.3 Nilai Bon Pelaksanaan : RM 4,070.40
.....